

D239

U B456 BAH
NAZRI - CABAR

MELAKA, 28 FEB (BERNAMA) -- ANGGOTA EXCO PERGERAKAN PEMUDA UMNO MALAYSIA, ENCIK MOHD NAZRI TAN SRI ABDUL AZIZ, HARI INI MENCABAR PEMIMPIN ATASAN PARTI SUPAYA MEMPERBETULKAN DIRI MEREKA SUPAYA TIADA BERLAKU PERCANGGAHAN DI KALANGAN PEMIMPIN BAWAHAN SERTA HILANG KEPERCAYAAN TERHADAP MEREKA.

KATANYA, PARA PEMIMPIN ATASAN CUMA PANDAI MELAUNGKAN SLOGAN PERPADUAN SEDANGKAN MEREKA BERCAKARAN SESAMA SENDIRI.

BELIAU BERKATA PADA PERASMIAN MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN PEMUDA UMNO BAHAGIAN KOTA MELAKA DI SINI HARI INI, SUNGGUHPUN PEMILIHAN PUCUK PIMPINAN DALAM UMNO AMALAN BIASA TETAPI IA MENIMBULKAN MASALAH DAN FERCAKARAN DI KALANGAN PEMIMPIN SETIAP KALI PEMILIHAN DIADAKAN.

MENURUTNYA, +UNDI ITU SULIT+ SUDAH TIDAK BERMAKNA LAGI KERANA SETIAP PEMIMPIN SECARA TERBUKA MENGUMUMKAN SOKONGAN MEREKA MENERUSI AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN, YANG BOLEH MENIMBULKAN LAGI SALAH FAHAM DAN MEROSAKKAN PERPADUAN PARTI.

ENCIK NAZRI BERKATA PERPECAHAN YANG BERLAKU DALAM PARTI MENYEBABKAN GOLONGAN LUAR PARTI BERANI MENCABAR DAN MENGGUGAT KEUTUHAN UMNO. -- LAGI
1920MST 28 02 87

D240

U B457 BAH
NAZRI - CABAR 2 MELAKA

+MELAYU DALAM UMNO MASIH BELUM BOLEH BERSATU KERANA ITU MEREKA DICABAR OLEH PARTI-PARTI PEMBANGKANG DAN KOMPONEN BARISAN NASIONAL,+ TEGASNYA.

KATANYA, KEADAAN ITU TIDAK BERBEZA DARIPADA DULU HINGGA SEKARANG.

ENCIK MOHD NAZRI BERKATA, ORANG ASING TIDAK MENGHORMATI ORANG MELAYU KERANA ORANG MELAYU SENDIRI TIDAK BERSATU KERANA MEMENTINGKAN DIRI SENDIRI.

MENURUTNYA, UMNO TIDAK INGINKAN PEMIMPIN YANG Mencari kedudukan dan mementingkan diri sendiri sedangkan melaung memperjuangkan nasib bangsa, agama dan tanah air.

SEMENTARA ITU, ENCIK MOHD NAZRI MEMBERITAHU BERNAMA SELEPAS ITU ANGGAPAN BAHAWA BELIAU PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD SEORANG DIKTATOR ADALAH TIDAK BETUL.

KATANYA, DATUK SERI DR MAHATHIR IALAH SEORANG PEMIMPIN YANG BERSIKAP TERBUKA SERTA SANGGUP MENERIMA TEGURAN BERBANDING DENGAN PEMIMPIN-PEMIMPIN SEBELUMNYA. -- LAGI
1922MST 28 02 87

D241

U B458 BAH
NAZRI - CABAR 3 MELAKA

+SOKONGAN DAN GALAKAN DATUK SERI DR MAHATHIR MEMBUATKAN PEMUDA UMNO MALAYSIA BERANI BERTINDAK DAN MEMBUAT KEPUTUSAN DI LUAR DUGAAN,+ TEGASNYA.

ENCIK MOHD NAZRI MENGAKU PERDANA MENTERI SEORANG PEMIMPIN YANG BERANI DAN TEGAS.

MENURUTNYA, TERDAPAT GOLONGAN YANG CUBA MEMPERTIKAIKAN KEWIBAWAAN BELIAU SEMATA-MATA IRI HATI TERHADAP KEPIMPINANNYA. -- BERNAMA
1923MST 28 02 87